

BICARA ISLAM SEMASA

Koleksi Tulisan Dato' Dr. Ismail Haji Ibrahim

**Penyunting
Zawiah Md. Sari**

Bicara Islam Semasa


PUSTAKA PERDANA



1000260

Penyunting
Zawiah Md Sari

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)



KANDUNGAN

Perutusan

Prakata

Pendahuluan

BAHAGIAN 1

MEMBICARAKAN ISLAM

Bab 1	1
Membangun Islam secara global	
Bab 2	7
Jangan memainkan istilah agama	
Bab 3	13
Pengajaran dari abad dua puluh	
Bab 4	19
Halatuju pendidikan Islam	
Bab 5	25
Islam dan realiti masyarakat	
Bab 6	31
Sesuaikah agenda agama dipolitikkan	
Bab 7	
Memerangi fahaman jumud dan liberal	37

Bab 8
Tidak kufur menghormati budaya lain 43

Bab 9
Menjaga lidah dan tingkah laku 49

BAHAGIAN 2

TASAWWUR ISLAM ALAF BARU

Bab 10
Konsert remaja dan ceramah perdana 57

Bab 11
Wanita bekerja bukan isu dalam Islam 63

Bab 12
Nilai dan harga diri wanita 71

Bab 13
Melalui Ramadan dengan muhasabah diri 77

Bab 14
Menilai diri di hari raya 83

Bab 15
Menghayati semangat berkorban 89

BAHAGIAN 3

UMMAH DAN CABARAN SOSIOEKONOMI

Bab 16 Mengenali ragam manusia	97
Bab 17 Masyarakat keliru lahirkan pelampau	103
Bab 18 Ambil teladan dari Piagam Madinah	109
Bab 19 Merancang pendidikan agama berbentuk futuristik	117
Bab 20 Kongres dan kemelut pemikiran Melayu	123
Bab 21 Perjuangan Islam secara aman	129
Bab 22 Belanjawan penyayang dan pengurusan bijak	135
Bab 23 Hadapi pilihan raya secara bertamadun	141
Bab 24 Hadapi pilihan raya dengan bijaksana	147

Bab 25	
Pilihan raya dan agenda Islam	153
Bab 26	
Belajar dari ujian dan krisis	159
Bab 27	
Merbahaya terlalu berpolitik	165
Bab 28	
Jangan sombong ketika berkuasa	171

BAHAGIAN 4

MERENTASI SEMPADAN RUANG DAN WAKTU

Bab 29	
Bilakah orang Melayu akan berubah?	179
Bab 30	
Mencipta sejarah menghormati ilmuan	185
Bab 31	
Hak bersuara mempunyai sempadan	191

BAHAGIAN 5

KESEJAGATAN ISLAM

Bab 32

Masih adakah minda yang dibelenggu? **199**

Bab 33

Membina tamadun Islam alaf baru **207**

Bab 34

Alaf baru untuk siapa? **213**

Bab 35

Belajar menerima perbezaan pandangan **219**

Bab 36

Tidak bijak memulau akhbar **225**

Bab 37

Menghadapi kenyataan ketika berkuasa **229**

Bab 38

Membuka lembaran hidup baru **235**

Bab 39

Hijrah dan cabaran minda Islam **241**

Bab 40

Kita kesuntukan masa **247**

PRAKATA

Alhamdulillah dengan berkat dan pertolongan Allah SWT dan usaha Puan Zawiah Md. Sari yang telah mengambil tanggungjawab menyunting buku ini, maka buku Bicara Islam Semasa ini dapat diterbitkan.

Saya merasa bahawa buku yang mengandungi tulisan-tulisan saya yang telah disiarkan di dalam akhbar Utusan Malaysia dan Utusan Melayu setiap minggu itu perlu diterbitkan di dalam bentuk ini, kerana mesej yang hendak saya kemukakan melalui tulisan-tulisan saya itu mungkin tidak sampai secara menyeluruh kepada sebahagian para pembaca di tanah air kita kerana beberapa sebab yang tertentu.

Seperti yang telah saya tegaskan di dalam buku Isu-Isu Semasa dari Perspektif Islam yang telah diterbitkan pada tahun 1999, iaitu yang juga memuatkan kumpulan tulisan saya di dalam akhbar tersebut, tujuan saya menulis ialah untuk cuba memberikan persepsi saya tentang isu-isu semasa yang berlaku di negara kita dan di negara-negara lain juga mengikut kajian dan kefahaman saya tentang ajaran dan nilai agama kita yang suci.

Mesej saya ialah mentafsirkan isu semasa dari pandangan sumber-sumber agama kita dan pandangan para sarjana serta ulamak Islam tentang sesuatu isu yang menyentuh umat kita, atau peristiwa yang mempunyai hubungan dengan orang-orang Islam di mana sahaja mereka berada.

Di dalam zaman moden dan global ini kita perlu membuka minda dan berlapang dada menerima aliran maklumat dan ilmu pengetahuan yang amat banyak disalurkan di dalam masyarakat kita. Maklumat dan pandangan-pandangan baru yang sampai kepada setiap individu di dalam masyarakat kita, amat perlu diteliti dan ditapis dengan sebaik-baiknya berlandaskan nilai-nilai agama dan budaya kita yang sihat supaya kita sentiasa berada di atas landasan yang betul dalam mencari kebahagiaan dan keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Saya yakin bahawa kita tidak akan dapat menapis dan memilih maklumat yang disampaikan kepada kita sekiranya kita jahil dan tidak berilmu pengetahuan untuk menilai sesuatu yang disampaikan itu, termasuk oleh musuh-musuh kita yang sengaja ingin menyesatkan kita, atau kumpulan orang yang fanatik serta berjuang untuk kepentingan peribadi sendiri sahaja.

Saya amat yakin bahawa saluran pendidikan merupakan satu wadah dan mekanisme yang amat berkesan untuk melahirkan generasi muda Islam yang komited kepada ajaran dan nilai-nilai agama, serta mempunyai keperibadian Islam yang sebenarnya. Oleh itu saya menganggap bahawa tulisan-tulisan saya adalah merupakan satu saluran untuk mendidik masyarakat supaya mempunyai pandangan sejagat atau *world-view* Islam yang betul tentang kehidupannya di dunia dan di akhirat. Saya amat mementingkan pemupukan ilmu pengetahuan, kemantapan persepsi dan kematangan sikap serta peribadi Islam yang sebenarnya

melalui tulisan-tulisan saya ini. Tujuan itu adalah merupakan tujuan utama penulisan saya walaupun ada pandangan yang berbeza dari sesetengah orang yang tidak begitu jelas tentang motif tulisan saya.

Saya akui bahawa segala sesuatu yang saya kemukakan di dalam tulisan saya ini tidak semestinya diterima oleh semua orang, kerana seperti yang telah saya jelaskan di atas bahawa pandangan dan penjelasan yang saya utuskan adalah merupakan pandangan peribadi yang berasaskan ijtihad dan pentafsiran saya terhadap pandangan para sarjana lain. Bagaimanapun saya sering mengambil prinsip al-Quran dan al-Sunnah di dalam sesuatu isu yang saya bicarakan.

Saya sentiasa berlapang dada dan bersikap terbuka terhadap segala pandangan dari para pembaca. Selama ini pun saya sentiasa menerima pandangan yang berbagai-bagai dari pembaca yang sudi menulis kepada saya melalui surat biasa atau surat elektronik. Yang memberi galakan dan semangat kepada saya maka saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih, dan yang mengkritik saya juga saya memberikan ucapan terima kasih kerana berkemungkinan bahawa di dalam kritikan mereka itu terdapat sesuatu panduan bagi saya untuk terus menulis. Tetapi bagi yang mengutuskan kata-kata kasar dan kesat, saya mohon maaf kerana tidak dapat menjawabnya, malah saya anggap semuanya itu membayangkan sikap dan sifat orang-orang yang bebal dan tidak berpengetahuan dan berdoa semoga Allah SWT memberikan keampunan kepada mereka.

Saya menyerahkan buku ini ke persada para pembaca yang budiman, semoga ianya merupakan satu sembah bakti saya kerana Allah SWT, dan sumbangan pemikiran saya kepada masyarakat yang akan terus saya lakukan selagi hayat dikandung badan.

Ismail Haji Ibrahim.

Julai, 2000.